

22/03/2005

Malaysia di landasan kukuh capai negara maju

MALAYSIA mampu mencapai status negara maju menjelang 2020, kata bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, berdasarkan pelbagai faktor termasuk kemampuan mencatatkan pertumbuhan ekonomi menggalakkan, Malaysia berada dalam landasan kukuh untuk membolehkannya muncul sebagai negara maju.

Katanya, keupayaan negara juga terserlah dengan kemampuan meneroka teknologi pengeluaran kenderaan buatan Malaysia dan pelbagai kejayaan dicatatkan anak tempatan dalam mencipta sejarah.

"Kami (Malaysia) mahu buat apa yang negara maju lakukan dan Malaysia sudah membuktikan yang ia mampu melakukannya mengikut cara tersendiri," katanya.

Beliau berkata demikian ketika sesi dialog selepas menyampaikan ucapan pada Persidangan Sains Malaysia-Akademi Sains Islam (IAS) 2005 di Hotel Crowne Plaza Mutiara, Kuala Lumpur, semalam.

Hadir sama, Presiden IAS, Profesor Abdul Salam Majali; Presiden Akademi Sains Arab, Lebanon, Profesor Adnan Badran dan Koordinator Comstech Pakistan, Profesor Atta-Ur-Rahman.

Persidangan lima hari itu akan dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, esok.

Sementara itu, Dr Mahathir berkata, galakan yang lebih banyak perlu diberikan kepada saintis dan penyelidik bagi menarik mereka kembali berkhidmat di negara ini.

Beliau berkata, masalah birokrasi antara faktor menyebabkan saintis dan penyelidik tempatan lebih cenderung berkhidmat di luar negara.

"Sepatutnya kita tidak meletakkan terlalu banyak sekatan hingga boleh menghalang minat mereka kembali berkhidmat di Malaysia," katanya sambil menambah program membawa pulang saintis Malaysia dari luar negara penting bagi membangunkan pelbagai bidang berkaitan sains dan teknologi negara.

Dr Mahathir juga menyarankan supaya pendidikan perlu bagi memastikan isu remeh temeh tidak menjadi penghalang untuk menarik kemasukan tenaga mahir ke Malaysia.

(END) Source : Berita Harian